

Sejarah perjuangan semakin dilupai

Melayu belum berjaya, tetapi sudah dibuai perasaan mencapai apa disasarkan



Bersama
Rejal Arbee

TANGGAL 31 Ogos ini, buat kali ke-49 negara akan menyambut ulang tahun perisytiharan kemerdekaan dengan pelbagai program yang diadakan untuk menghayati kebebasan yang dinikmati rakyat selain berusaha memupuk perasaan cintakan negara dengan lebih mendalam. Khususnya di kalangan generasi muda sekarang.

Ramai di kalangan mereka dikatakan kurang memberi perhatian atau memikirkan soal kemerdekaan negara daripada pemerintahan penjajah kerana dilahirkan dalam suasana negara yang sudah bebas daripada belunggu penjajahan.

Malah, majoriti warga negara sekarang adalah generasi selepas merdeka, iaitu mereka yang dilahirkan selepas negara diperintah sendiri.

Tanpa pernah mengalami hidup di bawah telunjuk penjajah, mereka tidak tahu pahit maung hidup di bawah penjajahan serta perjuangan nenek moyang mereka untuk bebas daripada belunggu pemerintahan Inggeris dan selepas itu cabaran yang dilalui untuk mengisi kemerdekaan itu.

Apa yang mereka tahu, lebih-lebih lagi muda-mudi yang hidup di bandar adalah membesar dalam keadaan selesa dan menikmati serba-serbi kemudahan kehidupan dalam sebuah negara moden yang sedang pesat membangun.

Justeru, sekarang ada usaha untuk mengingatkan kembali perjuangan kemerdekaan kepada generasi muda ini.

Minggu lalu sebuah majalah yang diterbitkan awal 2005 dan diedarkan kepada pelajar menengah atas dan juga di kem latihan khidmat negara memulakan suatu usaha inovatif untuk mendapatkan golongan veteran yang hadir di dua acara bersejarah di padang Kelab Selangor dan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. Tujuannya untuk berkongsi pengalaman yang mereka alami ketika berada dalam pemerintahan Inggeris serta perasaan ketika berada di dua acara itu kepada pelajar sekolah yang digalakkan menulis pengalaman mereka untuk disiarkan dalam majalah itu.

Diharapkan dengan anggota veteran menyingkap kembali perasaan mereka di dua acara itu dan dimuatkan pula dalam majalah berkenaan secara berkala, muda-mudi sekarang akan lebih prihatin terhadap kedudukan mereka dan boleh menanam perasaan cintakan negara lebih mendalam.

Malah, kini sebuah akhbar berbahasa Inggeris juga mengadakan ruang untuk memaparkan pengalaman mereka itu,

Tentunya mereka yang berkumpul di Pa-

darang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) untuk menyaksikan acara bersejarah ketika bendera British, Union Jack diturunkan daripada kibaran kali terakhirnya di bumi ini sebaik saja loceng jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad berbunyi 12 kali menandakan bermulanya hari baru - hari keramat 31 Ogos, mempunyai perasaan tersendiri terhadap apa yang sedang berlaku ketika itu.

Demikian pula perasaan yang terlintas di hati sanubari kalangan ribuan rakyat yang memenuhi Stadium Merdeka 10 jam kemudian di mana Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra membaca perisytiharan kemerdekaan dengan diikuti laungan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali yang disambut gemuruh secara spontan oleh semua yang hadir. Suasana dan perasaan yang bergolak itu perlu dihayati dan dikenang.

Ramai di kalangan muda-mudi sekarang tidak tahu pengorbanan dan perjuangan wira negara yang bukan saja terdiri daripada pemimpin berbilang kaum tetapi juga rakyat biasa yang berusaha mewujudkan suasana aman damai dan berkompromi kehendak dan pandangan sempit kelompok sendiri guna mewujudkan sebuah negara di mana rakyat berbilang kaum dapat hidup dan bekerjasama dalam suasana harmoni saling faham memahami dan aman damai.

Sebenarnya usaha itu adalah dalam rangka menanam perasaan cintakan negara selain dapat berbangga dengan bahasa dan budaya kebangsaan yang seharusnya boleh menjadi pemangkin kepada usaha memupuk bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Malangnya, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa negara ini pun terus saja tidak mendapat tempat sewajarnya. Masih ramai yang tetap memperlekehkannya lebih-lebih lagi di kalangan syarikat swasta yang seberapa boleh mahu saja mengabaikan penggunaannya hanya kerana kerajaan sedang berusaha meningkatkan keupayaan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat di mana perhatian yang lebih diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Mereka sengaja mentafsirkan galakan pengajaran bahasa Inggeris sama dengan mengabaikan bahasa Melayu, walaupun ia sudah diterima sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sejak merdeka lagi.

Lebih malang ialah pengabaian penggunaan bahasa Melayu dengan betul di kalangan muda-mudi Melayu sendiri. Mereka adalah anak golong menengah yang ramai juga lebih selesa bertutur bahasa Inggeris kerana pengaruh budaya Barat melalui pelbagai saluran hiburan baik nanyian mahu pun filem yang ditayang di kaca TV setiap hari.

Ibu bapa mereka pula lebih senang bertutur bahasa Inggeris walaupun di rumah. Ini tidak salah kiranya penggunaan bahasa



DETIK BERSEJARAH: Tunku Abdul Rahman Putra bersama orang ramai menunggu detik keramat jam 12 malam pada 30 Ogos 1957. Perjuangan Tunku Abdul Rahman menuntut kemerdekaan wajar menjadi pemangkin membangkitkan semangat cintakan negara di kalangan generasi muda.

Melayu tidak diabaikan terus, tetapi masih digunakan juga di rumah sama seperti apa yang diberikan kepada bahasa Inggeris.

Kita mengakui betapa penting penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa global tetapi ia tidak harus membawa kepada pengabaian penggunaan bahasa kebangsaan sendiri hingga ada yang sanggup mengakui mereka kurang fasih bertutur bahasa ibunda sendiri.

Apakah muda-mudi kita itu sudah hilang arah? Apakah orang Melayu sendiri yang sebenarnya sudah hilang arah hingga tidak dapat mendidik anak agar berbangga dengan bahasa dan budaya kita yang amat kaya dengan sopan santun dan berbudi bahasa?

Sebelum ini, ketika datuk nenek kita berjuang melepaskan diri daripada belunggu penjajahan mereka mempunyai satu matlamat dan hala tuju yang tegas. Selepas mencapai kemerdekaan tumpuannya adalah terhadap mencapai kemajuan supaya dapat berdiri sama tinggi dengan bangsa lain.

Sungguhpun usaha mencapai kemajuan dalam serba-serbi bidang supaya setanding dengan kedudukan bukan Melayu belum berjaya seperti diharapkan, kita sudah dibuai perasaan sudah mencapai apa yang disasarkan.

Maka tidak menghairankan ada kalangan muda-mudi Melayu sendiri yang ber-

bangga mereka sudah boleh bersaing tanpa apa-apa bantuan lagi. Perasaan ini tidak salah malah harus digalakkan. Tetapi ia tidak wujud secara menyeluruh dikalangan semua orang Melayu.

Keadaan ini mungkin benar bagi mereka yang berada di bandar. Tetapi, Melayu di luar bandar masih belum dapat bersaing dalam keadaan yang saksama kerana mereka terus saja berada dalam keadaan serba kekurangan untuk membolehkan mereka bersaing dalam suasana saksama dengan siapa saja.

Oleh itu jangan pula ada yang salah anggap Melayu sudah berjaya dan tidak perlu diberi pertolongan lagi. Malah, ada di kalangan kelompok yang sepatutnya berjuang kepentingan Melayu sudah pun membelakangkan kononnya supaya tidak menyinggung perasaan bangsa lain dalam usaha memupuk perasaan harmoni dalam negara. Malangnya kelompok bukan Melayu terus berjuang kepentingan mereka.

Apakah pengabaian ini menyebabkan akhbar arus perdana sejak beberapa waktu kebelakangan ini terus saja memberikan tumpuan kepada soal hiburan dan tingkah laku bintang filem dan nanyian?

Dengan itu saban hari ada saja cerita artis bercerai, berkahwin dan yang bercakaran di muka depan akhbar. Apakah ini yang dikehendaki?